

JOHOR



Info!

RUANGAN ini sudahpun membuka satu akaun Facebook (FB) atas nama Suara Rakyat Johor-Utusan Malaysia iaitu <http://www.facebook.com/SRU.utusanmalaysia>.

FB berkenaan bagi memudahkan lagi penyiaran aduan dan permasalahan rakyat selain menjadikannya lebih interaktif.

Kepada sesiapa yang ingin membuat aduan boleh menghantar maklumat lengkap pengadu termasuk nombor telefon, aduan yang hendak diletakkan serta gambar berselesaian.

Ini bagi memudahkan pihak kami menenterangkan aduan yang dikemukakan oleh pengadu agar dapat diambil tindakan sewajarnya oleh pihak berkenaan.

Selain FB, pembaca juga boleh menghantar sebarang aduan menerusi emel utusan.johor@gmail.com atau melalui surat ke alamat Saudara Pengarang, Utusan Malaysia Johor, No. 24A, Jalan Serampang, 80400, Johor Bahru.

HUBUNGI KAMI

Alamat: 24A, Jalan Serampang, Taman Pelangi, 80400 Johor Bahru
Nombor telefon: 07-332906/07-332880
Nombor faksimili: 07-3329934
Emel: utusan.johor@gmail.com

JABATAN PEMASARAN
Alamat: 24, Jalan Serampang, Taman Pelangi, 80400 Johor Bahru.

Nombor Telefon: 07-3335738
Nombor Faksimili: 07-3347426
Mediamony (pengiklanan)
Alamat: 24B, Jalan Serampang, Taman Pelangi, 80400 Johor Bahru.
Nombor telefon: 07-3323101/3329140
Nombor faksimili: 07-3328905.



REKA bentuk Kulim Agrotech Centre di Kota Tinggi, Johor, diinspirasi daripada pohon pokok kelapa sawit sebagai simbolik bisnis utama Kulim (Malaysia) Bhd. iaitu perladangan sawit.

Kulim Agrotech Centre peringkat pengeluaran

Fokus

Oleh **NURUL HUDA HASSAN**
utusan.johor@gmail.com

■ KOTA TINGGI 5 MAC

PENYELIDIKAN dan pembangunan (R&D) merupakan satu bidang penting antara lain mampu merancakkan pertumbuhan sesebuah syarikat dan meningkatkan produktiviti sekali gus memperkukuhkan ekonomi.

Biarpun R&D bukan sesuatu yang baharu, namun banyak pihak berterusan mahu mewujudkan bidang R&D dalam usaha memperkukuhkan syarikat mereka, anak syarikat Johor Corporation (JCorp), Kulim (Malaysia) Bhd. (Kulim) juga tidak ketinggalan.

Kulim merupakan nadi dan sayap utama JCorp dalam sektor perladangan kelapa sawit. Bagi memastikan mampu meningkatkan terutamanya pengeluaran buah tandan segar selain penghasilan minyak sawit, Kulim membangunkan pusat R&D, Kulim Agrotech Centre di sini dengan kos sebanyak RM20 juta.

Pembukaan pusat tersebut juga diyakini akan dapat mempertingkatkan bidang penyelidikan Kulim.

Kompleks dengan reka bentuk diinspirasi daripada pohon kelapa sawit, simbolik kepada bisnis utama Kulim iaitu perladangan kelapa sawit, turut menjalankan kajian R&D bagi hasil pertanian lain iaitu kelapa.

Kulim Agrotech Centre yang sudah menuliskan operasi sepenuhnya tahun lalu, menempatkan lima bahagian utama iaitu



KAMARUZZAMAN ABU KASSIM (tengah) mendengar taklimat mengenai lima operasi dilakukan melibatkan biak baka tanaman, kultur tisu, makmal kimia, genomik dan mikrobiologi serta pentadbiran agronomi dan khidmat nasihat.

biak baka tanaman, kultur tisu, makmal kimia, genomik dan mikrobiologi serta pentadbiran agronomi dan khidmat nasihat.

Pusat tersebut dibangunkan anak syarikat JCorp itu di atas tanah seluas 2.87 hektar di sini diyakini dapat mempertingkatkan lagi pelbagai bidang kajian syarikat berkenaan sejajar usaha bagi penambahbaikan hasil keluaran mereka.

Pembinaan kompleks berkenaan juga selaras dengan seruan kerajaan yang menggalakkan inisiatif serta kajian bagi memastikan industri sawit yang lebih berdaya saing sekali gus diterjemahkan kepada komitmen negara terhadap pembangunan mapan.

Pada masa sama, hasil kajian dan penyelidikan yang dijalankan di kompleks itu diharap dapat membantu Kulim menghasilkan pengeluaran buah tandan segar yang lebih banyak dengan kandungan minyak lebih tinggi.

Menerusi pusat itu, purata pengeluaran minyak sawit men-

tah di negara ini dijangka meningkat iaitu berpotensi menghasilkan minyak sawit mentah melebihi tujuh tan sehektar berbanding empat tan buat masa ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim berkata, pembukaan kompleks itu menunjukkan komitmen Kulim dalam memastikan pembangunan industri sawit lebih berdaya saing dan mapan.

Selain itu, katanya, perkembangan tersebut juga seiring dengan aspirasi kerajaan negeri untuk membudayakan sains dan teknologi serta mencipta nilai baharu dalam bidang R&D sekali gus mampu menghasilkan pelbagai perkara baharu.

"Dengan adanya kompleks itu secara tidak langsung akan membantu Kulim mengembangkan lagi bidang penyelidikan.

"Saya percaya, impak daripada R&D yang dijalankan di pusat berkenaan akan dapat menghasilkan buah tandan kelapa sawit yang segar selain kandun-

INFO

KULIM AGROTECH CENTRE

- Pusat penyelidikan dan pembangunan Kulim (Malaysia) Bhd. (Kulim)
- Terletak di Lot 2135, Batu 23 1/2, Jalan Kota Tinggi, Kota Tinggi
- Dibangunkan di atas tanah seluas 2.87 hektar dengan kos RM20 juta
- Mula beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga 2018
- Reka bentuk pusat itu diinspirasi daripada pohon pokok kelapa sawit
- Itu sebagai simbolik bisnis utama Kulim iaitu perladangan sawit
- Terdapat lima bahagian operasi di kompleks iaitu biak baka tanaman, kultur tisu, makmal kimia, genomik & mikrobiologi serta pentadbiran agronomi dan khidmat nasihat

gan minyak yang tinggi sekali, katanya yang juga Pengerusi Kulim di sini baru-baru ini.

Tambahnya, kompleks itu bukan sahaja dapat membantu Kulim meningkatkan produktiviti seperti menghasilkan buah tandan kelapa sawit yang segar dan kandungan minyak yang tinggi tetapi pada masa sama, hasil kajian dilakukan dipercayai dapat memberi manfaat kepada industri perladangan terutama dalam aspek peningkatan kualiti dan inovasi produk agro.